



07 DEC, 2021

Pendekatan inovatif mengurus lebuhraya

Harian Metro, Malaysia



Pendekatan inovatif mengurus lebuhraya

Kuala Lumpur: Program Rintis Sandbox Lebuhraya Pintar dilancarkan semalam menyediakan medium inovasi yang membolehkan integrasi teknologi dilaksanakan bagi urusan penyelenggaraan lebuhraya PLUS di seluruh negara.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, selain itu program berkenaan adalah sebuah inisiatif untuk mempercepatkan pendekatan inovatif dalam menjalankan kerja penyelenggaraan lebuhraya menerusi penggunaan teknologi.

“Kerjasama strategik ini wujud untuk memastikan PLUS selaras dengan hasrat kerajaan untuk memperkasakan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dengan penggunaan teknologi

berketepatan tinggi dan efisien dalam pengurusan penyelenggaraan lebuhraya di Malaysia,” katanya dalam ucapan pada majlis pelancaran program berkenaan di Persada PLUS di Petaling Jaya, semalam.

Program itu inisiatif oleh PLUS Malaysia Berhad (PLUS) bersama-sama Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC) sebagai sekretariat utama mewakili Sandbox Teknologi dan Inovasi Nasional (NTIS).

Beliau berkata, lebuhraya pintar akan berkonsepkan gabungan pelbagai peranti Internet Benda (IoT) untuk meningkatkan kecekapan pengangkutan keselamatan pemandu serta pejalan kaki dan penggunaan tenaga bersih untuk menggalakkan kelestarian.



07 DEC, 2021

Pendekatan inovatif mengurus lebuhraya

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

Kuala Lumpur: P r o g r a m Rintis Sandbox Lebuhraya Pintar dilancarkan semalam menyediakan medium inovasi yang membolehkan integrasi teknologi dilaksanakan bagi urusan penyelenggaraan lebuhraya PLUS di seluruh negara. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, selain itu program berkenaan adalah sebuah inisiatif untuk mempercepatkan pendekatan inovatif dalam menjalankan kerja penyelenggaraan lebuhraya menerusi penggunaan teknologi.